

# BULETIN MPKK

مجله بولیتین مپکک



EDISI 01/2010

<http://www.mpkk.gov.my/buletin>

## LULUS PELAN TAMBAHAN "24 JAM"

*Menarik di dalam*

- 03 '24 hours Innovation'
- 03 Perluasan Kawasan PBT Hi-Tech
- 06 Pelancaran Hati Emas
- 08 Serah Kunci Surau /Dewan di Taman Nilam Baiduri
- 06 APC
- 09 Ramadan Al-Mubarak
- 11 Sukan MPKK



"MPKK telah melaksanakan beberapa program transformasi melibatkan beberapa bidang kritikal iaitu Sumber Manusia, Kewangan, Sistem Penyampaian dan Operasi Kerja. Beberapa inisiatif dan strategik telah dilaksanakan antaranya melibatkan Inovasi 24 Jam"

*lanjut ms 3*



Integriti, Cepat & Berkualiti Ke Arah Kecemerlangan



# SIDANG PENGARANG

Penasihat  
En. Harun Bin Jasin  
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulim

Ketua Pengarang  
Pn. Hasnita Bt Mohd Hashim

Timbalan Ketua Pengarang  
Cik Munira Bt Abd Rahim

Grafik/Jurugambar  
Pn. Zuraida Bt Durani

Sidang Pengarang  
En. Hamzah b Abdul Halim  
En. Mohd Syarizal b Ishak  
En. Halimin b Lahaming  
Pn. Khaliza bt Abdul Majid

Pejabat :  
Majlis Perbandaran Kulim  
No 104-120, Lorong Kota Kenari 5/1,  
Kota Kenari, 09000 Kulim, Kedah D.Aman.  
Telefon : 04-4905664/4907526/4906522  
Fax : 04-4901443  
laman web: [www.mpkk.gov.my](http://www.mpkk.gov.my)  
laman aduan: [aduan.mpkk.gov.my](http://aduan.mpkk.gov.my)  
emel : [info@mpkk.gov.my](mailto:info@mpkk.gov.my)



## Perutusan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kepada kehadiran Ilahi dengan Limpah Rahmat-Nya, Buletin Majlis Perbandaran Kulim Kedah berjaya diterbitkan. Penerbitan berkala ini diharap dapat menjadi saluran komunikasi untuk penyebaran maklumat dan aktiviti sebagai sumber rujukan dan tatapan pihak PBT, Jabatan-jabatan Kerajaan, Agensi Kerajaan, pihak swasta dan juga masyarakat umumnya. Perkongsian idea dan maklumat adalah penting untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan kepada masyarakat. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Ahli-ahli Sidang Buletin MPKK kerana berusaha untuk menerbitkan buletin ini.

Selaras dengan senario cabaran yang dihadapi oleh pihak PBT dalam memenuhi kepelbagaian keperluan rakyat, MPKK perlu bijak dan kreatif mengatur langkah menanganinya. MPKK perlu melangkah ke hadapan di mana satu anjakan radikal perlu dilaksanakan dalam usaha menggerakkan pengurusan secara menyeluruh untuk menangani cabaran persekitaran dan kehendak pengguna yang semakin kompleks.

MPKK telah mengorak langkah ke hadapan dengan melaksanakan transformasi selaras dengan Visi dan Misi MPKK ke arah menjadi sebuah pengurusan PBT yang cemerlang. Beberapa inisiatif dan strategik melibatkan beberapa bidang kritikal seperti Sumber Manusia, Kewangan, Sistem Penyampaian dan Operasi Kerja sedang melalui proses perubahan yang radikal. 'Inovasi 24 Jam' atau '24 Hours Innovation' iaitu menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dalam tempoh 24 jam ke atas proses-proses utama seperti kelulusan pelan, kelulusan lesen dan aduan awam dilaksanakan demi meningkatkan kepuasan pelanggan. Selain itu, penerapan budaya kerja kreatif dan inovatif dalam pengurusan MPKK adalah diharapkan akan menjadi peneraju dalam pengurusan dan pentadbiran perbandaran.

Akhir kata, saya berharap anggota MPKK dapat membudayakan dan menghayati amalan bekerja yang berteraskan kecemerlangan. Insyaallah, MPKK pasti boleh menjadi peneraju organisasi bukan sahaja di Kedah malahan di seluruh Malaysia.

Sekian, Terima Kasih.

Wassalam.

**HARUN BIN JASIN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KULIM**





## '24 hours INNOVATION'

Oleh Abdul Kamal b Md Isa

Majlis Perbandaran Kulim dalam usaha meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan, telah melangkah setapak lagi ke hadapan dengan memberikan perkhidmatan terbaik berkonsepkan "24 HOURS INNOVATION".

Kelulusan Pelan Bangunan Tambahan, merupakan inovasi pertama yang telah dihasilkan bagi mengelakkan berlakunya binaan tanpa kebenaran disamping mengelakkan kelewatan

**Inovasi dan kreatif ke arah MPKK menjadi peneraju PBT dan pengurusan perbandaran yang dinamik, berwawasan dan mampan.**

memproses pelan tambahan. Proses kelulusan pelan akan diperolehi dalam tempoh 24 jam selepas permohonan lengkap dikemukakan ke Jabatan Bangunan MPKK.

Konsep ini telah bermula pada bulan Mei 2010 dan MPKK mensasarkan inovasi '24 jam' ini dapat menjana hasil serta meningkatkan integriti anggota Majlis Perbandaran Kulim disamping dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

## PERLUASAN KAWASAN PENTADBIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM (PBT TPHTK)

Oleh Halimin b. Lahaming

**"Perluasan kawasan melibatkan Kilang Fisrt Solar (M) Sdn.Bhd. dan Pembekal Tenaga Elektrik Persendirian Nur Distribution Sdn Bhd."**

**A**LOR SETAR, 30 Jun 2010 – Majlis penyerahan sebahagian daripada kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) kepada Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim (PBT TPHTK) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Blok E, Wisma Darul Aman bermula jam 8.30 pagi.

Majlis ini disaksikan oleh Y.B. Dato' Ir. Haji Phahrolrazi Bin Haji Zawawi, DSDK., Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya, Pembangunan Luar Bandar dan Basmi Kemiskinan Negeri Kedah Darul Aman.

Majlis penyerahan ini dilaksanakan di antara Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK), En. Harun Bin Jasin dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim (PBT TPHTK) yang juga merupakan Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Y.B. Dato' Seraja Setia, Dato' Wira Haji Rasli bin Basir, DGMK., DSDK., AMK., BCK., BPL.

← Pegawai MPKK sedang memberi layanan kepada pelanggan

*gambar kecil* - En Mohd Nazri b Harun selaku Ketua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)



★ Penyerahan Dokumen oleh En Harun b. Jasin kepada Y.B. Dato' Wira Haji Rasli b. Basir yang disaksikan oleh Dato' Ir. Phahrolrazi b. Haji Zawawi.

Kawasan yang diserahkan adalah seluas 5.27km Persegi. Secara keseluruhannya menjadikan keluasan baru kawasan pentadbiran bagi PBT TPHTK adalah seluas 19.76 km Persegi. Manakala baki keluasan kawasan pentadbiran MPKK ialah seluas 745.87 km Persegi.

Dua premis perindustrian yang sudah pun berada dalam lingkungan kawasan yang diserahkan ini ialah Kilang First Solar (M) Sdn. Bhd., dan pembekal tenaga elektrik persendirian Nur Distribution Sdn. Bhd.



# Majlis Sambutan Bulan Ramadan Al-Mubarak 1431H dan Jamuan Penghargaan Tuan Setiausaha

oleh Munira bt Abd Rahim

MPKK 10 Ogos 2010-

Sempena menyambut kedatangan Bulan Ramadan 1431 Hijrah pada 11hb Ogos 2010, pihak MPKK telah menganjurkan Majlis Hi-tea di Perkarangan Majlis Perbandaran Kulim pada hari ini 10hb Ogos 2010, jam 4 petang.

Majlis dihadiri oleh Tuan YDP MPK, En. Harun b. Jasin, Tuan Setiausaha MPK, Tuan Haji Rohaizad Rashid dan Ahli-ahli Majlis serta anggota MPKK.

Di samping itu, majlis ini juga adalah sebagai tanda penghargaan kepada Tuan Setiausaha sempena pertukaran perkhidmatan beliau ke Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman



➤ Tuan Yang Dipertua menyampaikan cenderahati kepada Tuan Setiausaha sebagai tanda penghargaan beliau selama berkhidmat di MPKK.

Pada kesempatan Majlis tersebut, cenderahati juga telah disampaikan kepada Tuan Setiausaha sebagai tanda penghargaan jasa dan perkhidmatan beliau dari warga MPKK.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk menghayati keberkatan Bulan Ramadan yang bakal tiba dan mengukuhkan ukhwa yang sedia terbina.



➤ Bergambar bersama Tuan YDP, Ahli-ahli Majlis serta Ketua Jabatan/Bahagian



➤ YB Lim Soo Nee juga turut memeriahkan lagi majlis

## PELANCARAN PROGRAM KHAIRAT KEMATIAN MPKK

Oleh Munira bt. Abd Rahim



➤ Ucapan rasmi oleh Tuan Yang Dipertua

MPKK 15 Ogos 2010 – Sejalan dengan visi dan misi serta penghayatan dasar-dasar korporat Majlis Perbandaran Kulim, penubuhan program khairat kematian yang telah diilhamkan oleh Tuan Yang Dipertua telah dilancarkan pada 15 Ogos 2010, bertempat di Dewan Kuliah tepat jam 12.00 tengahari. Majlis tersebut telah dihadiri oleh semua anggota Majlis Perbandaran Kulim.

Pelancaran tersebut telah dirasmikan oleh Eneik Harun bin Jasin, Yang Dipertua MPKK. Dalam ucapannya, beliau menyatakan matlamat penubuhan program ini adalah untuk membantu meringankan beban waris apabila berlaku kematian di kalangan anggota dan keluarga terdekat. Program ini akan diuruskan sepenuhnya oleh Kelab Kebajikan dan Sukan MPKK dan keanggotaannya meliputi semua anggota tanpa mengira bangsa dan agama.

Program khairat kematian ini merupakan satu usaha Majlis Perbandaran Kulim menjaga kebajikan anggota dan mengenang jasa serta pengorbanan setiap anggota MPKK yang bertungkus lumus menjana pembangunan dan perkembangan Majlis.



# Majlis Sambutan Bulan Ramadan Al-Mubarak 1431H dan Jamuan Penghargaan Tuan Setiausaha

oleh Munira bt Abd Rahim

MPKK 10 Ogos 2010-

Sempena menyambut kedatangan Bulan Ramadan 1431 Hijrah pada 11hb Ogos 2010, pihak MPKK telah menganjurkan Majlis Hi-tea di Perkarangan Majlis Perbandaran Kulim pada hari ini 10hb Ogos 2010, jam 4 petang.

Majlis dihadiri oleh Tuan YDP MPK, En. Harun b. Jasin, Tuan Setiausaha MPK, Tuan Haji Rohaizad Rashid dan Ahli-ahli Majlis serta anggota MPKK.

Di samping itu, majlis ini juga adalah sebagai tanda penghargaan kepada Tuan Setiausaha sempena pertukaran perkhidmatan beliau ke Perbadanan Stadium Negeri Kedah Darul Aman



➤ Tuan Yang Dipertua menyampaikan cenderahati kepada Tuan Setiausaha sebagai tanda penghargaan beliau selama berkhidmat di MPKK.

Pada kesempatan Majlis tersebut, cenderahati juga telah disampaikan kepada Tuan Setiausaha sebagai tanda penghargaan jasa dan perkhidmatan beliau dari warga MPKK.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk menghayati keberkatan Bulan Ramadan yang bakal tiba dan mengukuhkan ukhwa yang sedia terbina.



➤ Bergambar bersama Tuan YDP, Ahli-ahli Majlis serta Ketua Jabatan/Bahagian



➤ YB Lim Soo Nee juga turut memeriahkan lagi majlis

## PELANCARAN PROGRAM KHAIRAT KEMATIAN MPKK

Oleh Munira bt. Abd Rahim



➤ Ucapan rasmi oleh Tuan Yang Dipertua

MPKK 15 Ogos 2010 – Sejalan dengan visi dan misi serta penghayatan dasar-dasar korporat Majlis Perbandaran Kulim, penubuhan program khairat kematian yang telah diilhamkan oleh Tuan Yang Dipertua telah dilancarkan pada 15 Ogos 2010, bertempat di Dewan Kuliah tepat jam 12.00 tengahari. Majlis tersebut telah dihadiri oleh semua anggota Majlis Perbandaran Kulim.

Pelancaran tersebut telah dirasmikan oleh Eneik Harun bin Jasin, Yang Dipertua MPKK. Dalam ucapannya, beliau menyatakan matlamat penubuhan program ini adalah untuk membantu meringankan beban waris apabila berlaku kematian di kalangan anggota dan keluarga terdekat. Program ini akan diuruskan sepenuhnya oleh Kelab Kebajikan dan Sukan MPKK dan keanggotaannya meliputi semua anggota tanpa mengira bangsa dan agama.

Program khairat kematian ini merupakan satu usaha Majlis Perbandaran Kulim menjaga kebajikan anggota dan mengenang jasa serta pengorbanan setiap anggota MPKK yang bertungkus lumus menjana pembangunan dan perkembangan Majlis.



# Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

“anugerah ini merupakan satu pengiktirafan bagi menzahirkan ucapan tahniah kepada anggota yang berusaha meningkatkan mutu kerja”

KULIM INN 06 Julai 2010 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah telah meraikan kira-kira 52 anggota dan 4 pesara pada Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Yang Dipertua dalam ucapan beliau telah melahirkan rasa syukur dan tahniah kepada anggota yang telah berjaya dan terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan kepada anggota yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang, ia juga sebagai dorongan untuk meningkatkan prestasi kerja dan sebagai galakan secara positif di kalangan anggota.

Majlis tersebut turut mengeratkan hubungan silaturahim antara anggota dan acara ini akan dijadikan acara tahunan.

Oleh: Hasnita bt. Mohd Hashim



➤ Tuan Yang Dipertua menyerahkan sijil kepada salah seorang penerima anugerah, Cik Salmah bt Ahmad



# Program Hati Emas

Program  
Kemasyarakatan

MPKK 07 Jun 2010 – Program Hati Emas telah dilancarkan pada Majlis Perhimpunan Kakitangan MPKK bulan Jun 2010 di Dewan Bandaran MPKK.

Bagi memenuhi Program L.A 21, Salah satu usaha MPKK ke arah mendekati diri dengan penduduk sekitar warga Kulim, satu program telah diperkenalkan iaitu ‘Program Hati Emas’ yang mana telah sempurna dilancarkan oleh En. Harun b. Jasin, Yang Dipertua MPKK dengan Tema ‘Satu Ringgit Satu Kehidupan’ atau ‘One Ringgit One Life’. Program ini adalah di bawah Program Kemasyarakatan (L.A 21).

Turut menjayakan Program ini Tuan Setiausaha – Tuan Haji Rohaizad b. Haji Rashid, Ahli-ahli Majlis MPKK, Ketua-ketua Jabatan dan seterusnya seluruh

“satu ringgit  
satu kehidupan”

anggota MPKK. Program ini dilancarkan untuk membantu golongan miskin di sekitar kawasan Kulim.

Usaha menjejaki warga miskin, sokongan dan maklumat orang ramai adalah amat diperlukan. Atas daya usaha MPKK, ‘Tabung Hati Emas’ telah diwujudkan. Hasil kutipan tabung ini akan diagihkan kepada warga miskin yang telah dikenal pasti melalui ‘Jejak Prihatin’.

Tuan Yang Dipertua MPKK amat berharap agar seluruh warga MPKK khususnya warga Kulim dapat turut serta menjayakan ‘Program Hati Emas’. Dengan lafaz ‘Bismillah’ ‘Program Hati Emas’ ini dilancarkan. - Oleh Halimin b. Lahaming



➤ Tema: “Satu Ringgit Satu Kehidupan”



➤ Anggota MPKK yang Berhati Emas sedang menyerahkan sumbangan





# HARI BERTEMU PELANGGAN

TEMA: GAYA HIDUP SIHAT

Oleh: Khaliza bt. Abd. Halim

KULIM 25 Julai 2010 - Hari Bertemu Pelanggan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) bagi Bulan Julai telah diadakan pada 25 Julai 2010 di Medan Citarasa Kulim bermula dari pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Anggaran seramai 1000 pengunjung telah hadir ke Hari Bertemu Pelanggan tersebut. Pengunjung adalah terdiri daripada semua lapisan pelanggan dan masyarakat Kulim amnya. Peserta pameran pula terdiri daripada beberapa Jabatan Kerajaan dan juga pihak Swasta serta NGO.

"Hari Bertemu Pelanggan" ini bertujuan untuk membantu warga penduduk Kulim dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dengan mengadakan terus masalah kepada pegawai bertugas.

Selaras dengan objektif Hari Bertemu Pelanggan MPKK iaitu membantu memperkukuh orientasi pelanggan dengan menyediakan saluran tambahan melalui komunikasi secara bersemuka antara MPKK dengan pelanggan.

MPKK menyediakan pegawai bertugas untuk menerima aduan-aduan dan berbincang dengan pihak pengadu sebelum langkah penyelesaian dicari.

Hal ini akan meningkatkan keyakinan orang ramai yang membuat aduan kerana perbincangan turut diadakan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Setakat ini, MPKK telah mengadakan dua sesi Hari Bertemu Pelanggan bermula Jun 2010.





# PENYERAHAN KUNCI SURAU DAN DEWAN

Oleh: Nurhuda bt. Abd-Rahim

KULIM 08 Ogos 2010 - Bertempat di perkarangan surau baru, Taman Nilam Baiduri, Kulim Kedah telah berlangsung Majlis Penyerahan Kunci Surau Dan Dewan kepada warga penduduk Taman Nilam Baiduri secara rasminya oleh En. Harun Bin Jasin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK).

Turut hadir pada majlis tersebut, En. Hamzah Bin Abd. Halim, Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan MPKK, wakil dari pihak pemaju Crystal Supreme serta Ahli-ahli Jawatankuasa Taman dan warga penduduk Taman Nilam Baiduri.

Majlis tersebut dipengerusikan oleh En. Shahrudin Bin Basarudin selaku Pengerusi Taman Nilam Baiduri. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan YDP MPKK, En. Harun Bin Jasin dan seterusnya, aturcara majlis diikuti dengan penyerahan kunci surau secara rasmi.

YDP MPKK juga turut menunaikan solat Asar berjemaah bersama-sama warga penduduk yang hadir pada hari tersebut. Tidak ketinggalan juga pemantauan ke dewan baru yang bakal digunakan oleh warga penduduk.

Di akhir majlis, Pihak Jawatankuasa Penduduk Taman Nilam Baiduri turut menyediakan jamuan untuk menyambut kedatangan Bulan Ramadan Al-Mubarak.

Majlis seperti ini diharap dapat mengeratkan hubungan pihak MPKK bersama-sama dengan masyarakat setempat. Keselesaan dan keperluan masyarakat setempat adalah tanggungjawab bersama pihak MPKK



Acara penyerahan kunci surau dan dewan...



Upacara membuka pintu Surau...



Temubual bersama En. Shahrudin (Pengerusi Taman Nilam Baiduri)



Dewan



Sebagai pihak pemaju, kemudahan yang disediakan ini adalah sebagai tanggungjawab dan tanda penghargaan serta terima kasih pihak kami kepada para penduduk Taman Nilam Baiduri kerana memilih taman perumahan ini sebagai rumah kediaman mereka.  
En. Calvin

Dengan adanya kemudahan surau dan juga dewan kepada penduduk taman perumahan ini, maka kami warga penduduk sesama jiran dapat mengenali antara satu sama lain dan seterusnya dapat mengeratkan hubungan persaudaraan sesama kami melalui perjumpaan aktiviti bersama yang bakal diadakan di dewan dan juga surau ini.  
Pn. Hasnah bt Harun





# Ramadan Al-Mubarak

**"Bentengilah hartamu dengan zakat, ubati orang-orang sakit (dari kalanganmu) dengan bersedekah dan persiapkan doa untuk menghadapi datangnya bencana. (Hadis Riwayat: Imam Ath-Thabrani)"**

Bulan Ramadan Al-Mubarak bukan sekadar bulan untuk menahan lapar dan dahaga tetapi bulan untuk menjalani latihan kerohanian serta jihad memerangi hawa nafsu. Bulan Ramadan adalah untuk menyucikan diri dari dosa dan membina pekerti yang luhur. Selain amalan wajib, amalan sunat hendaklah ditingkatkan dengan mengerjakan solat-solat sunat, solat tarawih, membaca Al-Quran, bersedekah dan melakukan amalan-amalan kebaikan lain.

Sempena bulan Ramadan yang mulia, MPKK tidak melepaskan peluang untuk melakukan amalan kebaikan. Bagi mengimarahkan Bulan Ramadan 1431H ini, beberapa aktiviti telah diatur seperti memberi sumbangan berupa wang tunai kepada beberapa buah masjid iaitu Masjid Al-Jamiul Makmur Kulim, Masjid Al-Huda Kelang Lama, Masjid An-Nur Pekan Junjong, Masjid Jamek An Najah Padang Serai serta kepada Rumah Anak Yatim BEDAYA dan PRAJURIT.

Tidak ketinggalan juga bantuan diberikan kepada anak-anak yatim, fakir miskin dan juga kepada ibu-ibu tunggal. Sumbangan diserahkan seminggu sebelum hari raya bagi meringankan beban mereka sempena persiapan menyambut Hari Raya yang bakal tiba.

Selain itu, gotong royong menyediakan bubur lambuk juga diadakan oleh warga MPKK di perkarangan pejabat MPKK untuk diedarkan kepada warga MPKK serta ke beberapa buah masjid dan juga rumah-rumah anak yatim. Semoga setiap amalan kebaikan yang dilakukan diterima oleh Allah SWT, dan semoga semua anggota MPKK serta penduduk Kulim dilimpahi rahmat. - Oleh Abdul Kamal b. Md Isa



sumbangan cek kepada AJK Masjid Jamek An-Najah Padang Serai



sumbangan cek kepada AJK Masjid Al-Jamiul Makmur Kulim



sumbangan cek kepada rumah anak yatim PRAJURIT Kelantan



sumbangan cek kepada AJK Masjid An-Nur Junjong



sumbangan cek kepada AJK Masjid Al-Huda Kulim



bersama anak-anak yatim BEDAYA



bersama anak-anak yatim PRAJURIT



Sekitar

# Bazar Ramadan

Sempena Bulan Ramadan 1431H, Majlis Perbandaran Kulim telah menyediakan beberapa lokasi Bazar Ramadan bagi memenuhi kehendak peniaga kecil dan pengunjung di sekitar Kulim. Bazar Ramadan merupakan satu peluang keemasan kepada peniaga kecil meningkatkan pendapatan dan peluang kepada pengunjung mendapatkan pelbagai aneka juadah untuk berbuka puasa.

Majlis Perbandaran Kulim juga telah menyediakan tiga lokasi berkhemah iaitu di Bandar Kulim, Kelang Lama dan Padang Serai. Penyediaan khemah ini memberikan keselesaan kepada peniaga dan memberi susun atur yang lebih menarik. Manakala tujuh lokasi lain turut disediakan tapak tanpa khemah iaitu di Lembah Impiana, Taman Sejahtera, Taman Aman, Taman Merak, Taman Lobak, Taman Mutiara dan Taman Sena.

Tapak gerai disusun mengikut jenis jualan supaya memudahkan pengunjung membuat pilihan. Masa operasi yang telah ditetapkan bermula dari jam 3.00 petang hingga 7.00 malam. Oleh Abdul Kamal b. Md Isa

## Lokasi Bazar Ramadan Daerah Kulim

Tempat	Bil Tapak(unit)
Kulim	132
Kelang Lama	190
Padang Serai	152
Taman Selasih	96
Taman Sejahtera	36
Taman Merak	26
Taman Lobak	73
Taman Mutiara	151
Taman Sena	78
<b>JUMLAH</b>	<b>934</b>

Sumber dari Jabatan Pelesenan MPKK



## Temubual bersama pengunjung dan penjual

"Saya sentiasa mengunjungi Bazar Ramadan Kelang Lama di sini kerana berdekatan dan mudah untuk saya mendapat pelbagai pilihan juadah berbuka puasa. Saya mencadangkan pada masa akan datang, kawasan bazar ramadan dapat dibuat berhampiran dengan masjid kerana ia akan memudahkan pengunjung dan peniaga untuk ke masjid melakukan ibadah ketika bulan ramadan."

- En. Adam Bin Razali



"Sambutan dari orang ramai amat menggalakkan di sini, saya bersyukur. Kawasan ini juga amat sesuai kerana menjadi tumpuan masyarakat setempat dan ini merupakan pengalaman saya yang pertama berniaga di bazar ramadan."

- Pn. Siti Ramilah bt Ahmad







## Liga Boling MPKK

*Oleh: Khaliza bt. Abd Majid*

Kelab Boling MPKK telah mengadakan Liga Boling bulanan bermula Januari hingga Disember 2010 bagi memburu juara pasukan. Baru-baru ini pada 6 Ogos 2010 telah berlangsung Kejohanan Liga Boling MPKK bertempat di Ole-Ole Superbowl, Giant Kulim.

Kejohanan yang disertai oleh semua anggota dari setiap Jabatan/Bahagian MPKK telah memmeriahkan lagi majlis tersebut. Hadaiah kejohanan akan disampaikan pada penghujung bulan Disember 2010 setelah tamat kejohanan liga.



## Temasya Sukan Perahu Panjang

*"Sukan sungai sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Tuanku Sultan Kedah Yang Ke-82"*

ALOR SETAR 25 Julai 2010 - Temasya sukan sungai sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Tuanku Sultan Kedah Yang Ke-82 diadakan setiap tahun. Acara ini merupakan program tetap yang disaksikan oleh KDYMM Sultan Kedah di persisiran sungai Tanjung Chali, Alor Setar. Acara saringan ini bermula pada 25 Julai 2010 dan acara kemuncak pada 3 Ogos 2010.

Pasukan MPKK yang diketuai oleh En. Ahmad Shakir Bin Arus di bantu oleh En. Borhan Bin Baharom bersama 30 anggota telah membuat persediaan sejak 12 Julai 2010 hingga 19 Julai 2010. Latihan intensif bermula seawal pagi diadakan di Kem PLKN Bukit Besar, Kulim.

Semangat juang yang tinggi setiap kalangan anggota pasukan perahu panjang MPKK wajar dipuji kerana berjaya menaikkan imej MPKK di peringkat yang lebih tinggi. Sekalung tahniah kepada semua anggota yang terlibat. - *Oleh Halimin b. Lahaming*





# Selamat Datang



Hubungi:  
Kulim Inn  
Jalan Bukit Awi,  
09000 Kulim, Kedah,  
Darul Aman.  
No Telefon : 04-4900420  
No Fax : 04-4943807

*Kulim Inn*  
MAJLIS PERBANDARAN KULIM